


16 - 30 APRIL, 2024

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Naik taraf Hospital Seberang Jaya lancar



RUPA bentuk bangunan baru.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PROJEK** menaik taraf Hospital Seberang Jaya (HSJ) dijangka siap pada penghujung tahun ini, kata Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen.

Menurut Zi Sen, dengan komitmen padu yang ditunjukkan oleh Kerajaan Persekutuan, projek menaik taraf tersebut diharap akan berjalan lancar dan dapat disiapkan mengikut jadual.

"Ini penting bagi menangani masalah kesesakan di Hospital Seberang Jaya yang berlarutan sejak sekian lama.

"Kerajaan Negeri komited untuk memastikan projek penting seperti ini akan berjaya supaya ia dapat memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang



DANIEL Gooi Zi Sen.

lebih baik kepada orang ramai.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Utama Anwar Ibrahim di atas pengumuman dan kelulusan sejumlah RM1 juta kepada Hospital Seberang Jaya," katanya kepada Buletin Mutiara ketika dihubungi pada 11 Mac lalu.

Difahamkan, projek menaik taraf Hospital Seberang Jaya yang bermula pada 2016 menelan kos kira-kira RM500 juta, merangkumi kerja-kerja menambah baik kemudahan seperti katil, unit rawatan rapi dan tempat letak kereta.

Sebelum ini, Anwar juga telah mengumumkan peruntukan RM1 juta untuk pembelian mesin ventilator, tangki air, peralatan ultrabunyi dan bilik laktasi di hospital tersebut.

Dalam pada itu, Buletin Mutiara turut mendapatkan beberapa responden untuk mengetahui harapan mereka terhadap projek menaik taraf hospital tersebut.

Juruteknik di Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, **ILYAS CHE WI**, 55, berharap agar projek menaik taraf Hospital Seberang Jaya dapat mengurangkan masalah kesesakan di hospital berkenaan apabila siap kelak.

"Saya juga diberitahu projek naik taraf ini turut merangkumi pembinaan blok baharu iaitu bangunan bertingkat dengan kemudahan baharu, malah beberapa perkhidmatan hospital sedia ada juga akan dipindahkan ke sana.

"Ini adalah berita baik untuk mengurangkan kesesakan dan waktu menunggu yang lama di hospital sedia ada," katanya.

Bagi jurutera perisian, **NUR MUHAMMAD ALIFF SHARIFF**, 31, beliau memuji Kerajaan Persekutuan kerana menyalurkan peruntukan yang diperlukan untuk projek menaik taraf HSJ.

"Saya juga berharap agar apabila kerja menaik taraf ini siap kelak, kemudahan tempat letak kenderaan adalah mencukupi demi memudahkan pesakit yang datang ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Optimumkan perkhidmatan, pakar mencukupi



**ILYAS Che Wi.**



**NUR Muhammad Aliff Shariff.**



**R. Krishnan.**

"Ini kerana, ketika ini kami terpaksa meletakkan kenderaan di luar kawasan hospital dan terpaksa berjalan jauh untuk masuk ke hospital," ujarnya.

Bagi **R. KRISHNAN**, 66, beliau berharap agar doktor pakar akan ditambah bagi memendekkan waktu menunggu yang kini mengambil masa dua hingga tiga jam.

"Bagi saya yang perlu kerap datang ke hospital memang menyambut baik projek menaik taraf ini, dan berharap ia dapat disiapkan secepat mungkin.

"Walaupun saya datang awal pagi kira-kira jam 7.30 pagi tetapi terpaksa menunggu lama untuk berjumpa doktor kerana jumlah pesakit yang sangat ramai.

"Selain waktu menunggu yang lama, masalah kekurangan tempat letak kenderaan juga perlu diatasi selepas projek menaik taraf siap kelak," katanya yang menghidap penyakit asma.

**FASIHAH MOHAMMAD**, 31, berharap agar kesesakan di bangunan hospital sedia ada dapat dikurangkan selepas projek menaik taraf siap kelak.

> **Justeru, saya berharap agar selepas bangunan baru ini dibuka nanti, ia bukan sahaja dapat memberikan kemudahan kepada penduduk setempat, malah dapat meningkatkan kualiti kesihatan awam di Seberang Perai,"**
>
> **- ALEX Wong Bun Chuan**

Menurutnya, ketika ini, beliau terpaksa menunggu selama dua hingga tiga jam untuk mendapatkan rawatan bagi penyakit buah pinggang yang dihidapinya.

"Saya datang ke hospital setiap bulan untuk mencuci buah pinggang, dan setiap kali datang keadaan sentiasa sesak sehingga menyebabkan saya terpaksa menunggu lama.

"Kalau ada jangkitan kuman, saya terpaksa berada di wad sehingga dua minggu... oleh itu, saya berharap agar bangunan baru nanti dapat menyediakan bilik khas untuk pesakit seperti kami demi keselesaan," katanya yang bekerja sebagai operator kilang.

**ALEX WONG BUN CHUAN**, 34, menyatakan bahawa projek menaik taraf HSJ diharap dapat mengoptimumkan perkhidmatan hospital tersebut dan membolehkan pesakit mendapatkan rawatan perubatan dalam persekitaran yang lebih baik.

Berkongsi pengalaman ketika mendapatkan rawatan di hospital berkaitan suatu ketika dahulu, Bun Chuan memberitahu bahawa beliau sering berdepan masalah parkir dan terpaksa meletakkan kereta di bahu jalan.

"Ini menyebabkan saya berasa bimbang sama ada kereta akan tercalar atau dikompaun oleh pihak berkuasa.

"Justeru, saya berharap agar selepas bangunan baru ini dibuka nanti, ia bukan sahaja dapat memberikan kemudahan kepada penduduk setempat, malah dapat meningkatkan kualiti kesihatan awam di Seberang Perai," ujarnya.




**DANIEL Gooi Zi Sen (berkemeja putih) bersama-sama pihak berkaitan ketika mengadakan lawatan ke tapak projek menaik taraf Hospital Seberang Jaya baru-baru ini.**



**FASIHAH Mohammad.**



**ALEX Wong Bun Chuan.**



**KERJA-KERJA** pemuliharaan semula bangunan warisan Kelas 1 iaitu Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang berusia kira-kira 120 tahun di tengah-tengah Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town kini telah mencapai tahap pemajuan 82 peratus dan dijangka kembali dibuka pada Julai ini.

Menelan belanja RM18.39 juta (RM18,386,133.90), projek restorasi yang yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang tersebut kini berjalan lancar dan lebih awal berbanding jadual kemajuan (72 peratus).



KUBAH unik yang menjadi tarikan utama.

# Mahkamah Tinggi Pulau Pinang jangka buka Julai

Rintiz Rezky (M) Sdn. Bhd. merupakan syarikat kontraktor yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan berwajib di bangunan warisan tersebut.

Pada 8 Mac lepas, Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan semasa lawatan kerja ke Pulau Pinang, sempat meluangkan masa melawat tapak restorasi bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang ini.

Pada 24 Mac lepas pula, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** berpeluang menemu ramah Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang, **IR. AHMAD NADZRI ABDUL MAJID** sendiri di tapak restorasi tersebut.

Turut serta, Arkitek Hafadz, Johari Hassan iaitu pihak yang terlibat dalam memantau kerja-kerja pemuliharaan supaya mengikut garis panduan berwajib.

Menurut Ahmad Nadzri, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang adalah sebahagian daripada faktor utama kepada pengiktirafan George Town sebagai tapak warisan dunia pada 7 Julai 2008 oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), sementara George Town pula digambarkan sebagai tempat berpengaruh yang mempunyai seni bina, budaya dan pemandangan bandar unik di Asia Timur dan Asia Tenggara.

"Kerja-kerja pemuliharaan pada bahagian bumbung yang bocor sebelum ini umpamanya, perlu dibuka satu (genting) demi satu (genting), dan jika ada yang rosak, mesti digantikan dengan bahan sama juga mengikut garis panduan ditetapkan dalam kerja-kerja restorasi ini.

"Tatacara kerja, kena buat ujian terlebih dahulu, mesti dibuat satu demi satu (kerja-kerja kemasan).

"Bangunan warisan ini, kerja-kerja pemuliharaan masih mengekalkan bentuk fizikal yang asal, tetapi dari segi kegunaan tidak seperti asal.

"Kalau dahulu, sepanjang ruang dalam digunakan sebagai mahkamah, tetapi sekarang ruang dalam dibahagikan pada lima bahagian (kamar perbicaraan) dengan dilengkapi pelbagai kemudahan lain mengikut keperluan semasa, seperti ada penyaman udara umpamanya.

"Susun atur dalam bangunan mungkin ada, tetapi masih mengekalkan struktur asal dan tidak ada nampak perubahan yang begitu ketara (pada bahagian struktur fizikal bangunan ini)," jelasnya.

Difahamkan, ada lebih 13 kerja-kerja restorasi dilaksanakan dalam projek tersebut, antaranya adalah:-

- Kemasan bumbung pemasangan Peranakan-V, perabung bumbung (100 peratus)
- Kerja membaik pulih, mengecat, lapisan *undercoat* dan lapisan kemasan akhir pintu dan tingkap (37 peratus semasa)
- Pemasangan dinding pembahagi *(partition / drywall)* (100 peratus semasa)
- Kemasan dinding luar (98 peratus semasa)
- Kemasan dinding dalam (93 peratus semasa)
- Kemasan dinding baharu tandas (53 peratus semasa)
- Kemasan lantai (65 peratus semasa)
- Kemasan siling (81 peratus semasa)
- Kemasan tangga (75 peratus semasa)
- Bumbung rata (97 peratus semasa)
- Kerja-kerja mekanikal (93 peratus semasa)
- Kerja-kerja elektrikal (90 peratus semasa)

Oleh sebab bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang ini turut digazetkan berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), maka, Ahmad Nadzri menyatakan bahawa segala kerja-kerja pemuliharaan yang ingin dilaksanakan mesti terlebih dahulu mendapat kebenaran Jabatan Warisan Negara (JWN).

"Bangunan ini bukan sahaja bangunan warisan Kategori 1, malah digazetkan, maka tidak boleh senang-senang membuat penambahan dan ia adalah salah (jika tidak mendapatkan kebenaran berwajib terlebih dahulu).

"Macam nak paku pada lantai umpamanya, mesti hantar *'metal statement'*, kena tunjuk macam mana kaedah pemakuan lantai dilaksanakan, dan permohonan diluluskan, baru boleh melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan.

*(Sambungan di muka 13).*



**IR. Ahmad Nadzri Abdul Majid (lima dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama para perunding dilantik bagi kerja-kerja pemuliharaan semula bangunan warisan Kelas 1, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang.**

# Denai@Kampung Chenaam

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMMAD AMIR IRSYAD OMAR**



PEMANDANGAN memukau di Denai@Kampung Sungai Chenaam, Nibong Tebal.

**SEMPENA** sambutan Hari Tanah Lembab Sedunia, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menganjurkan acara mandi rimba serta menanam lebih 500 anak pokok di Denai @ Kampung Sungai Chenaam, Nibong Tebal pada 26 Februari 2024.

Majlis tersebut dianjurkan secara bersama-sama dengan Pejabat Exco Perdagangan, Pembangunan Usahawan dan Luar Bandar, Rashidi Zinol; *Malaysia Nature Society* (MNS), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Chenaam, sekalian kakitangan kerajaan serta komuniti setempat.

Rashidi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh dalam ucapannya antara lain menyatakan bahawa kolaborasi pelbagai pihak dalam menganjurkan program tersebut sekali gus akan menambahkan daya tarikan pelancongan desa di kawasan berkenaan.

"Ini adalah Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh yang mana kita sangat mengalu-alukan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta NGO (pertubuhan bukan kerajaan) berkaitan dan kakitangan kerajaan untuk hadir bagi menambahkan lagi daya tarikan di sini.

"Kalau ikutkan, sejak 15 tahun dahulu pun, saya memang terlibat dalam aktiviti penanaman anak pokok bakau, sebagai zon penampan ombak di sekitar Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) terutama Sungai Acheh ini," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad atas penganjuran program tersebut.

Bercerita lanjut, Rashidi memberitahu bahawa beberapa dekad lepas, KADUN Sungai Acheh termasuk tanah Kampung Sungai Chenaam di sini pernah dikelilingi laut.

"Pada waktu itu, kawasan semua di sini adalah laut, dipanggil 'Pantai Nyawa'… sehingga tahun 1982 baru ada rumah PPRT (Projek Perumahan Rakyat Termiskin) di Kampung Sungai Chenaam.

"Seperti yang kita dapat lihat pada hari ini, semakin hari tanah laut sekitar Kampung Sungai Chenaam ini menjadi darat, untung orang Sungai Acheh sebab tanah tak terhakis, semakin hari semakin menjadi darat.

"Kalau segi pengiraan, tanah simpanan (rizab hutan paya laut) di sini dahulu ada kira-kira 300 ekar, dua minggu lepas saya dimaklumkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri bahawa hari ini ada kira-kira 300 hektar (atau 741.32 ekar)," ujarnya lanjut.

Sehubungan itu, beliau memberitahu bahawa projek menghijaukan lagi zon penampan ombak dengan penanaman Pokok Api Api atau pokok bakau di sini akan menjadi suatu lagi bentuk pelaburan modal kerajaan bagi menarik pelancong desa pada masa hadapan.

"Selain zon penampan ombak yang begitu hijau, di sini juga kita ada tiga kuala (iaitu pertemuan dua atau lebih badan air), Kuala Sungai Bakau, Kuala Haji Ibrahim dan Kuala Sungai Udang yang mana kalau kita tengok di kiri dan kanan memang penuh dengan hutan (paya bakau).

"Maka, ini adalah sebahagian usaha bersama kita, seperti yang dianjurkan oleh MBSP pada hari ini, untuk menjaga khazanah alam di samping menjadikan kawasan-kawasan di sini sebagai destinasi pelancongan desa bagi menjana pendapatan rakyat setempat," ulasnya.

Berucap sebelum itu, Azhar memberitahu bahawa penganjuran dwi acara iaitu mandi rimba *(forest bathing)* dan penanaman anak pokok bakau tersebut adalah selari dengan pelaksanaan strategik Gaya Hidup Sihat di bawah Pelan Strategik Seberang Perai Tahun 2023 - 2030.

Di bawah pelan tersebut, Azhar menyatakan bahawa MBSP berusaha melaksanakan program bersifat *'people centric'* dengan penglibatan komuniti setempat, warga tua dan kanak-kanak.

"Di sini, pelbagai gaya hidup sihat boleh dilaksanakan, antaranya mandi rimba yang membawa maksud menghirup udara segar di hutan (paya bakau laut).



TAN Choo Eng.

"Mandi rimba ini telah diperkenalkan di negara Jepun pada tahun 1980-an dengan gelaran dalam bahasa Jepun sebagai *'Shirin-Yoku'* yang mana telah menjadi asas penjagaan kesihatan, pencegahan dan penyembuhan dalam perubatan Jepun.

"Di samping itu, *'Shirin-Yoku'* atau *'Forest Bathing'* ini juga merupakan suatu aktiviti riadah serta rekreasi ringkas yang melibatkan lawatan singkat dan santai ke kawaaan hutan hijau sedia ada.

"Seperti yang dihasratkan Tuan Haji Rashidi Zinol, MBSP juga mahu melihat potensi Sungai Acheh terutama Denai @ Kampung Sungai Chenaam ini menjadi destinasi pelancongan desa pilihan pada suatu hari nanti untuk aktiviti mandi rimba serta mencerap burung Hijrah," jelasnya.

*(Sambungan di muka 5).*




RASHIDI Zinol.




PAPAN tanda yang menjadi ikon kawasan berkaitan.

(Sambungan dari muka 4).

# destinasi pelancongan desa



BOT-bot nelayan yang turut menyuntik elemen tambahan menarik kepada suasana sedia ada.



RASHIDI Zinol (depan, bertopi biru) dan Azhar Arshad (depan, bertopi hitam) merakam gambar kenangan bersama-sama semua jemputan dan peserta program mandi rimba sempena sambutan Hari Tanah Lembab Sedunia di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi MNS, Tan Choo Eng memaklumkan bahawa hutan paya bakau laut sekitar SPS termasuk di Denai @ Kampung Sungai Chenaam merupakan antara lokasi persinggahan pilihan habitat-habitat burung hijrah.

"Untuk pengetahuan semua, kawasan (Kuala) Sungai Bakau dan Sungai Chenaam, sampai Sungai Acheh, yang meliputi dataran lumpur dan muara padi, semuanya dikira sebagai tanah lembab.

"Di sekitar kawasan (tanah lembab) ini, dianggarkan ada lebih 5,000 (ekor) burung hijrah berbanding Penaga di SPU (Daerah Seberang Perai Utara) ada kira-kira 20,000 ekar (burung hijrah); dan Daerah Seberang Perai Tengah atau SPT (3,000).

"Setiap tahun, pada musim sejuk di Benua Utara macam Rusia, China dan Mongolia, sebahagian besar burung pantai dan burung air akan berhijrah ke kawasan Seberang Perai, bukan di Malaysia sahaja tetapi sampai ke Australia.

"Selain burung hijrah, di sini (sekitar Sungai Acheh) juga menjadi tempat persinggahan habitat burung-burung tempatan seperti punai dan belatuk," kongsinya sambil memuji penganjuran acara menghijaukan lagi kawasan hutan paya laut di sekitar KADUN Sungai Acheh.

Bagi beliau, usaha tersebut sekali gus akan menjadikan Daerah SPS terutama Denai @ Kampung Sungai Chenaam di sini sebagai lokasi tumpuan pelancongan desa dalam kalangan pengunjung tempatan dan pengembara antarabangsa terutama mereka yang meminati aktiviti mencerap burung hijrah.

Selamat Menyambut Hari Tanah Lembab Sedunia 2024!


ASTON ACACIA
PANGSAPURI PERKHIDMATAN
BUKIT MERTAJAM







HAKMILIK KEKAL

**5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA**

- 24-Jam Kawalan Sekuriti
- Reka Bentuk Terbaik untuk Kehidupan 3 Generasi
- Podium yang Menginspirasi dengan lebih daripada 20 Kemudahan Gaya Hidup
- Lokasi yang Strategik
- Senibina Tropika Moden

**PANGSAPURI PERKHIDMATAN**

**Jenis A** • 1,206 kps **Jenis B** • 1,068 kps
**Jenis C** • 883 kps **Jenis D** • 701 kps

Harga Jualan dari
**RM292,600.00** (Min)
ke
**RM682,500.00** (Mak)

**KEDAI PEJABAT**

773 kps - 1,372 kps

Harga Jualan dari
**RM426,000.00** (Min)
ke
**RM1,095,000.00** (Mak)

**Pelan Lokasi**




Pembangunan Gaya Hidup Berjenama Oleh
Huayang
Your dreams, made affordable®

**Galeri jualan dan unit pameran dibuka setiap hari dari 10pg. hingga 6ptg.**

**Galeri Jualan**
GPS: 5 °22'6.4956"N 100 °27'23.6448"E

**012-580 2566**
www.astonacacia.com.my

Pemaju: Tinggian Development Sdn. Bhd. (68398-W) • Address: C-21, Jalan Medan Selayang 1, Medan Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia • Jenis Bangunan: Pangsapuri Perkhidmatan • Luas Binaan: 701 kps – 1,206 kps • No. Lesen Pemaju: 4723/08-2027/0829 (R) • Tempoh Sah: 29/08/2022 – 28/08/2027 • [FASA 1] No. Permit Iklan dan Jualan: 4723-2/08-2024/1324 (R)-(S) • Tempoh Sah: 29/08/2023 – 28/08/2024 • Jumlah Unit: 311 unit • Harga Jualan: (Min) RM292,600 (Mak) RM682,500 • [FASA 2] No. Permit Iklan dan Jualan: 4723-3/10-2025/0228 (N)-(S) • Tempoh Sah: 11/10/2022 - 10/10/2025 • Jumlah Unit: 311 unit • Harga Jualan: (Min) RM319,200 (Mak) RM681,950 • Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Perbandaran Seberang Perai • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-55/11 • Hakmilik Tanah: Hakmilik Kekal • Bebanan Tanah: Malayan Banking Berhad • Tarikh Dijangka Siap: Mei 2025 • 5% Diskaun Untuk Bumiputera • Tanah ini tidak boleh dipindah milik, ditukar tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tempatan. IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA. Semua lukisan dan ilustrasi di sini adalah tanggapan pelukis sahaja. Semua pelan, ukuran spesifikasi dan maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada variasi, pindaan, dan perubahan yang mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa berkaitan atau arkitek projek tanpa pemberitahuan terlebih dahulu untuk pembelian dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran atau kontrak.

# Sinar Koffee



PENYEDIAAN kopi yang menjadi salah satu menu tarikan utama.

**SIAPA** sangka dengan hanya berniaga secara kecil-kecilan di sekitar Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (Jambatan Kedua Pulau Pinang), kini dua rakan kongsi berjaya mengusahakan kafe sendiri di tengah bandar raya George Town.

**NUR RAHMAN JOHARI**, 29, dan rakan kongsinya, **ANIS IZZATI CHE ANUAR**, 23, berkesempatan berkongsi sedikit sebanyak latar belakang perniagaan mereka dalam satu sesi wawancara khas bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar **SITI NURATIKAH RAHMAT** pada 26 Februari lalu.

Menurut Nur Rahman, idea perniagaan ini tercetus dari hidangan *'pancake'* atau lempeng yang merupakan makanan ringan *('comfort food')* berasal dari negara Barat.

"Setahu saya, tiada lagi kafe di negeri ini yang menjual lempeng, kebanyakannya hanya menyediakan pastri dan jenis pencuci mulut yang lain.

"Secara peribadinya, lempeng merupakan antara makanan kegemaran saya dan para pencinta lempeng, kerana ia boleh dinikmati bila-bila sahaja apabila teringin.

"Oleh sebab itu, saya menyediakan sebuah kafe khusus menjual lempeng, dan di situ juga bermula perjalanan kami berdua dalam mencuba pelbagai menu *'comfort food'* yang lain," ujarnya yang merupakan seorang bekas jurutera.

Menyingkap detik awal mula berniaga, Nur Rahman akui pelbagai liku perlu dihadapi bersama-sama rakan kongsi dek masih belum mempunyai premis kafe sendiri.

"Sudah tentu apabila hanya menyewa tapak, kami perlu hadkan jualan, contohnya tidak boleh menjual pelbagai menu, disebabkan itu kami hanya menjual lempeng yang dikenali sebagai *'Pancake.co'* dan 'Lampu Dongdeng'.

"Hasil jualan juga tidak begitu menguntungkan, ditambah pula dengan kadar sewa yang tidak berpatutan mengakibatkan kami mengundur diri dan cuba mencabar diri dengan mempunyai ruangan sendiri.

"Tidak lama kemudian, saya dan Anis (rakan kongsi) menemui sebuah lot kedai untuk disewa dan membuat keputusan yang tepat untuk mula menapak perniagaan di situ," jelasnya.



***'PANCAKE'* yang menjadi asas kepada perniagaan dimiliki kini.**

Menurut Anis Izzati, Sinar Koffee yang bertemakan hiasan dalaman *'pop culture'* dengan iringan lagu popular era 1980-an itu mula beroperasi menjelang Februari 2023.

*(Sambungan di muka 7).*


MARC

MARC RESIDENCES & SERVICE APARTMENT



HAK MILIK KEKAL

DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA



Lot Kedai | Lobi Mewah | Kolam Renang Infiniti

Bilik Gimnasium | Fasiliti Barbeku | Bilik Mesyuarat

RM720,000 (Min.) - RM1,019,600 (Maks.)

JAYAMAS™ PROPERTY GROUP

JAYAMAS PROPERTY GROUP
Galeri Jualan
No.11, Jalan Casa Residensi,
Pusat Perniagaan Casa Residensi,
14000 Bukit Mertajam, Penang.

fb.com/jayamasproperty
jayamasproperty

Waktu Perniagaan:
Isnin - Sabtu : 9am-6pm
Cuti Umum & Ahad: 11am-4pm
hello@jayamasproperty.com

SILA HUBUNGI
04 291 3073 | 012 481 7036
www.jayamasproperty.com

Lesen Pemaju Perumahan: 19566/02-2028/0243(R) | Tempoh Sah: 18/02/2023 – 17/02/2028 | Permit Iklan Jualan: 19566-1/02-2024/0670((R)-(S) | Tempoh Sah: 18/02/2023- 17/02/2024| Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Seberang Perai | No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-44/129 | Pegangan Tanah: Kekal | Bebanan Tanah: Digadai kepada Alliance Bank Berhad | Tarikh Jangka Siap: Suku Kedua 2024 | Jenis Harta: Pangsapuri Servis dan Rumah Kondo | Jumlah Unit: 150 Unit | Harga Jualan: RM720,000.00(Min.) – RM1,019,600.00 (Maks.) | Pemaju: Auspicious Properties Sdn. Bhd. | Diskaun 5% untuk Bumiputera | IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PENDAFTARAN NEGARA.

Maklumat yang terkandung di sini tertakluk pada perubahan tanpa pemberitahuan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa berkenaan atau arkitek pemaju dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Walaupun segala penelitian telah diambil dalam penyediaan maklumat ini, pemilik, pemaju dan pihak pengurusan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang variasi. Semua ilustrasi dan gambaran hanya tanggapan artis sahaja. Semua barangan tertakluk pada variasi, pengubahsuaian dan penggantian sebagaimana yang disyorkan oleh arkitek syarikat dan/atau pihak berkuasa yang memberikan kelulusan.

(Sambungan dari muka 6).

# cetusan pencinta '*pancake*'




NUR Rahman Johari (kiri) dan Anis Izzati Che Anuar di hadapan premis mereka.

"Saya dan Nur Rahman bukan datang dari latar belakang tahu memasak dan jauh lagi mempunyai kepakaran, tetapi kami berdua tidak putus belajar sehingga membuahkan hasil.

"Di Sinar Koffee, kami tetap mengetengahkan menu lempeng dan kini dengan mempunyai ruangan sendiri, kami bebas menyediakan menu-menu lain.

"(Dan) lebih istimewa, terdapat juga pelbagai jenis minuman istimewa, salah satunya adalah kopi di sini.

"Pada peringkat awal, sudah tentu banyak penyelidikan dan pembangunan (R&D) dijalankan bagi menemukan barang dan produk terbaik untuk menghasilkan juadah yang enak.

"Di samping itu, terdapat juga menu yang merupakan resipi arwah ibu Nur Rahman, saya cuba olah sendiri mengikut cita rasa yang dijamin menjadi kegemaran pengunjung.

"Bagi Nur Rahman pula, dia lebih memahiri pembuatan kopi dan kini minuman selain kopi juga tersedia.

"Sejak beroperasi, kami berdua amat bersyukur kerana Sinar Koffe semakin dikenali ramai bukan sahaja pengunjung dari serata negeri, malahan juga pengunjung dari luar negara yang terdiri dari kalangan peminat kopi dan juga lempeng," kongsinya yang merupakan penuntut Universiti Sains Malaysia (USM).

Berkongsi tentang menu yang laris di Sinar Koffee, Anis Izzati turut menyatakan selain kopi dan lempeng, mereka turut menghidangkan menu khas untuk pelanggan *vegetarian*, antaranya, *Sinar Bowl, English Breakfast, Sinar Toast, Sinar Sandwich, French Toast, Stir Fry Noodle* dan banyak lagi.

"Bagi pencinta kopi pula, sudah tentu *Sinar Latte* dan *Buttercream Latte* antara minuman kegemaran pengunjung, lebih istimewa kerana minuman tersebut diolah oleh Nur Rahman sehingga sempurna.

"Untuk lempeng pula, *More Smores* dan *Freshly Fruits* sering menjadi pesanan pelanggan dek gabungan buah-buahan segar dan juga sos coklat enak," katanya sambil menyatakan pengunjung turut menikmati juadah sambil bermain permainan menarik yang disediakan.

Mengakhiri sesi wawancara, Nur Rahman dan Anis Izzati sempat berkongsi cabaran dan harapan mereka dalam menjayakan perniagaan sehingga ke tahap membanggakan kini.

"Pada awalnya, saya takut untuk mencuba dan gentar jika keseorangan, akan tetapi dengan kehadiran Anis sebagai rakan kongsi, semuanya alhamdulillah berjalan dengan lancar dan teratur.

"Walaupun Anis (Izzati) juga sibuk dengan pembelajaran, dia mesti akan datang juga ke kafe untuk membantu, malah kini dengan kehadiran staf kami, Muhammad Iqmal Aidid Mohd. Riduan, Sinar Koffee banyak menyertai *'pop up booth'* di sekitar negeri dan juga majlis perkahwinan.

"Selepas ini juga, Sinar Koffee akan melebarkan sayap ke bidang korporat, dan jika diberikan rezeki, kami akan membuka lagi satu cawangan Sinar Koffee dengan konsep yang berlainan di sekitar Gurney Bay," ujar Nur Rahman menutup bicara.


ORANGE MELUR
RUMAH TERES 3 TINGKAT, BUTTERWORTH, PULAU PINANG.

HAKMILIK KEKAL
5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA












Harga Min: RM1,177,800.00 | Harga Mak: RM1,606,800.00

| Pembinaan Sedang Dijalankan | 4 Bilik Mandi | 4 Bilik Tidur | Ruangan Keluarga Di Tingkat 2 |
|---|---|---|---|

| Jumlah Unit | Luas Tanah Dari | Luas Binaan |
|---|---|---|
| 16 | ±1,733 kp | ±2,426 kp |
| **Tingkat Bawah** | **Tingkat Satu** | **Tingkat Dua** |
| ±20' X 43'6" | ±20' X 52' | ±20' X 28'6" |

LOKASI




KEMUDAHAN BERDEKATAN
- 1.1km - Apollo Wet Market
- 1.1km - Pasaraya Lotus's
- 1.5km - Econsave
- 2.0km - Chung Ling Butterworth
- 5.5km - Terminal Feri Pulau Pinang
- 15km - Jambatan Pulau Pinang

ORANGE MELUR
Koordinat GPS:
5.431658,100.381315

大華集團
TAH WAH GROUP

**Magnum Development Sdn Bhd** (Co No : 956745-X)
7298, Wisma Tah Wah,
Jalan Kampung Gajah,
12200 Butterworth, Penang.

Koordinat GPS:
5.423649,100.375913

Layari Kami Di:
www.tahwah.com
TAH WAH GROUP

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:
04-314 0118
017-688 7898
017-528 3898
012-502 7898
017-427 7898

Nama Projek : **Orange Melur (Taman Oren Melur)** . Pemaju : Magnum Development Sdn Bhd (956745-X) . 7298 Wisma Tah Wah, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth . Tel : 04-3140118 / 04-3140638 Fax : 04-3200238 . Lesen Pemaju : 13050/06-2024/0715(R) . Tempoh Sah : 08/06/2017 to 07/06/2024 . Permit Iklan Dan Jualan . : 13050-2/02-2025/138(N)-(L) . Validity Date : 16/02/2023 to 15/02/2025 . No. Pelan Bangunan : MBSP/40/20-21/22 . Pihak Berkuasa Yg Meluluskan : Majlis Bandaraya Seberang Perai . Bebanan Tanah : CIMB Islamic Bank Berhad . Tarikh Dijangka Siap : Dec 2024 . Jumlah Unit : Harga Minimum (RM1,177,800.00) . Harga Maksimum (RM1,606,800.00).

# KAYU LAMA diolah hasilkan

KAYU lama daripada bangunan usang bukanlah bahan yang menjadi pilihan bagi kebanyakan pembuat perabot dalam menghasilkan produk bermutu tinggi untuk dijual di pasaran.

Namun, berbeza pula dengan pengusaha *Chengal House*, **GOOI KOK WAH**, 56, yang menjadikan kayu-kayu lama daripada struktur bangunan hampir roboh sebagai bahan utama untuk menghasilkan perabot dan hasil kraf yang bernilai tinggi.

Ketika ditemui Buletin Mutiara baru-baru ini, Kok Wah berkata bahawa idea memulakan perniagaan berasaskan kayu lama muncul apabila beliau sering berdepan dengan cabaran untuk mengeringkan kayu semasa bekerja di sebuah kilang perabot kayu.

Menurut beliau, proses mengeringkan kayu cengal yang memakan masa sangat lama iaitu boleh mencecah satu tahun telah menimbulkan masalah terutamanya di bahagian pengeluaran.

"Sebelum memulakan perniagaan ini, saya mula bekerja di kilang perabot kayu dan ketika itu bahagian pengeluaran di kilang menghadapi cabaran rumit yang mana ketika itu kami memerlukan sebuah meja yang diperbuat daripada kayu cengal.

"Pada masa itu, kami membeli kayu (cengal) baru dan perlu dirawat terlebih dahulu melalui proses pengeringan *(kiln-dried)* yang mana kami terpaksa menunggu sehingga satu tahun untuk kayu tersebut betul-betul kering.

"Keadaan itu membuatkan saya berfikir mengenai cara untuk mengatasi masalah tersebut, dan saya kemudiannya mendapat idea secara tiba-tiba ketika melihat sebuah bangunan usang yang hampir roboh.

"Dari situ, saya membeli kayu daripada bangunan tersebut dan melakukan uji kaji dengan menghasilkan perabot dan mendapati kualiti produk yang terhasil adalah sangat bagus kerana strukturnya kuat dan stabil.

"Kemudian barulah saya sedar bahawa kayu lama sebenarnya bagus, tambahan pula harganya tidak mahal.

"Selain dapat menyelesaikan masalah di kilang, saya juga melihat potensi untuk memulakan perniagaan dengan menceburi bidang jual beli kayu lama," katanya kepada penulis, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** ketika ditemui dekat *Chengal House* di Jalan Sungai Kechil, Nibong Tebal.

## Mengolah kayu

Kok Wah menyatakan bahawa bermula dari saat itu, beliau mula membeli kayu-kayu lama dan mula membina *Chengal House* sepertimana yang ada ketika ini seterusnya mengembangkan perniagaan dengan menghasilkan pelbagai produk bermutu tinggi.

"Saya sudah memulakan perniagaan ini sejak 25 tahun lalu dengan mengolah kayu-kayu lama yang dibeli dari seluruh negara.

"Kayu yang saya beli adalah daripada pelbagai sumber, salah satunya daripada bangunan-bangunan kerajaan yang usang, rumah sakit, hospital, stesen kereta api, gudang dan kilang balak.

"Boleh dikatakan bangunan yang usang dan terbiar atau mungkin akan dirobohkan bagi tujuan projek pembangunan semula merupakan sumber utama untuk saya menjalankan perniagaan," jelasnya.

Beliau berkata, kayu-kayan yang dibeli kebanyakannya adalah jenis kayu keras, padat serta tahan lama seperti cengal, balau, merbau, kempas dan meranti.

"Selain kayu yang dibeli, adakalanya saya mendapat nasihat daripada arkitek bangunan supaya menggunakan komponen bangunan lama seperti tingkap, pintu, bumbung, lampu, perabot lama, bahan-bahan pada bahagian tandas dan barang yang masih boleh digunakan untuk menghasilkan produk perniagaan," ujarnya.

## Konsep

Mengimbau semula awal perjalanan perusahaan *Chengal House*, Kok Wah memberitahu bahawa tanggapan negatif terhadap kayu lama masih menebal sekali gus menjadi cabaran untuk beliau mengembangkan perniagaan.

"Pada masa itu, masyarakat masih mempunyai kepercayaan negatif terhadap kayu lama seperti terdapat unsur-unsur ghaib selain kayu lama dianggap tidak berkualiti dan kurang bernilai.


SENI bina menyerupai Peranakan Cina.

"Bagi menghadapi cabaran ini, saya buat keputusan mendirikan rumah kecil dua tingkat dengan menggunakan bahan-bahan lama yang dirawat seperti jubin, kayu, pintu, singki, tingkap, perabot dan lain-lain.

"Dari situlah terhasilnya rumah kayu ini yang saya jadikan sebagai bilik pameran untuk membolehkan pengunjung datang dan merasai sendiri penggunaan kayu lama yang masih utuh," ulasnya sambil memaklumkan bahawa rumah kecil tersebut telah dibina oleh beliau sejak 17 tahun lalu.

Tambah Kok Wah, beliau kemudiannya telah membina sebuah lagi galeri berbentuk bangsal panjang dengan struktur yang agak ringkas menggunakan bahan lama seperti pintu dan jendela yang diperoleh daripada sebuah resort terbiar.

"Ini salah satu bilik pameran saya yang boleh dikatakan sebagai 'berani mencuba' kerana menggunakan bahan-bahan yang mungkin orang lain tidak terfikir untuk dijadikan struktur asas seperti bumbung.

"Sehingga kini, bangunan ini digunakan untuk mempamerkan parabot-perabot antik lama yang dikumpul dari seluruh negara dan diolah bagi menghasilkan produk berkualiti tinggi," jelasnya lanjut.

## Dapat permintaan tinggi

Kok Wah memaklumkan bahawa kayu lama yang sudah bertahan lebih 50 tahun dan ke atas mempunyai struktur yang sangat kuat, tahan lasak dan mampu bertahan terhadap keadaan cuaca, serangan anai-anai serta tekanan.



# produk bermutu tinggi



GOOI Kok Wah.




ANTARA perabot bermutu tinggi yang dihasilkan menggunakan kayu lama.

"Apabila bahan ini sudah melalui *test of time* (ujian), maka kita tidak perlu bimbang lagi mengenai kekuatan kayu tersebut kerana ia sememangnya telah diuji dari segi ketahanan.

"Kayu lama mempunyai banyak kelebihan dari segi stuktur yang sudah stabil, warna, kelembapan dan kualiti yang mana apabila bahan ini digunakan semula, ia akan menghasilkan produk terbaiki dalam kalangan terbaik.

"Tambahan pula, kayu lama ini sudah terdedah dalam tempoh waktu panjang yang mana sesuatu yang tidak bagus akan tertanggal dan hanya tinggal struktur berkualiti sahaja.

"Sebab itulah, produk yang dihasilkan menggunakan kayu lama adalah sangat bermutu selain mendapat permintaan tinggi di Malaysia dan seluruh dunia.

"Selain perabot, saya juga mendapat tempahan kayu lama daripada agensi-agensi berkaitan warisan termasuk di negeri Pulau Pinang untuk digunakan bagi membaik pulih bangunan warisan," katanya yang kini dibantu oleh 13 pekerja.

Difahamkan, *Chengal House* dibuka setiap hari kecuali cuti umum. Sebarang pertanyaan boleh hubungi 012 - 431 9993 atau layari laman *Facebook* di *https://www.facebook.com/ChengalHouse*.

Selain itu, pengunjung juga boleh melawat sendiri galeri *Chengal House* yang beralamat di 983, Jalan Loji Bukit Panchor, Jalan Sungai Kechil, Nibong Tebal.



STRUKTUR bumbung galeri yang dibina menggunakan tingkap lama sebuah resort.



PELBAGAI jenis kayu yang dikumpul untuk diproses menjadi perabot.



| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 012 - 428 5594<br>(F) |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Kumaran Krishnan @ Calvin<br>bagandalamn09@gmail.com | (T) 04 - 313 1002<br>(F) |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>dapairputih@gmail.com | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Lee Boon Heng<br>leeboonheng24@gmail.com | (T) 011 - 2773 6684 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Woo Sze Zeng<br>joshuawoosz@gmail.com | (H) 016 - 417 2548 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Wong Yuee Harng<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 299 2574<br>(F) |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 016 - 270 6808<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>ongahteong@penang.gov.my | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Tan Hooi Peng<br>n32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitamdap@gmail.com | (T) 016 - 421 9143<br>(F) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
